

Headline **Buku Sains, Matematik diterjemah**
Date **13 Jul 2009**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **Haspaizi Mohd Zain**
Frequency **Daily**
ADValue **2,673**

Language **Malay**
Page No **6**
Article Size **196 cm²**
Color **Black/white**
PRValue **8,018**



Buku Sains, Matematik diterjemah

ITNM guna istilah dalam bahasa Malaysia selaras pembatalan dasar PPSMI

Oleh **Haspaizi Mohd Zain**
haspaizi@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) bersedia menterjemah buku Sains dan Matematik dalam bahasa Malaysia seperti dikehendaki Kementerian Pelajaran, untuk digunakan selepas pemansuhan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) pada 2012.

Pengarah Urusan ITNM, Mohd Khair Ngadiron, berkata pihaknya bersedia meningkatkan lagi terjemahan buku terbabit dan yakin

mampu memenuhi keperluan Kementerian Pelajaran itu sebelum 2012.

"Bagaimanapun, bagi melaksanakan perkara ini kita memerlukan dana tambahan dan juga penterjemah. Saya kira ini adalah peluang terbaik kepada ITNM untuk membuka peluang pekerjaan kepada graduan dalam bidang terjemahan ini.

"Jika Kementerian Pelajaran memberi masa kepada ITNM mulai dari sekarang untuk menterjemahkan buku berkenaan, kita yakin ia dapat disiapkan sebelum 2012," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Kelmarin, Timbalan Per-

“Jika Kementerian Pelajaran memberi masa kepada ITNM mulai dari sekarang untuk menterjemahkan buku-buku berkenaan, kita yakin ia akan dapat disiapkan sebelum 2012”

Mohd Khair Ngadiron
Pengarah Urusan Institut Terjemahan Negara Malaysia

dana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mahu keupayaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta ITNM dipertingkatkan lagi bagi memperkasakan bahasa Malaysia.

Ia bagi memastikan tidak ada ketandusan istilah bacaan atau rujukan dalam semua bidang, baik akademik mahupun kerjaya, selaras dengan perubahan dasar kerajaan dalam PPSMI.

Muhyiddin berkata, kerajaan mahu proses terbabit dipercepatkan menerusi DBP dan ITNM, walaupun ia memerlukan Kementerian Pelajaran menyediakan sejumlah peruntukan yang besar.

Mohd Khair berkata, sehingga kini tumpuan utama ITNM adalah lebih kepada menterjemahkan buku sebagai bahan bacaan tambahan dan juga rujukan, bukan menghasilkan buku teks.

"Dana tambahan diperlukan ITNM adalah bagi menampung kos terjemahan dan kos mendapatkan hak cipta, kerana kita perlu mendapatkan kebenaran daripada penerbit asalnya.

"ITNM sudah bersedia, hanya menunggu arahan lanjut daripada kerajaan dan dengan penambahan kakitangan, kita yakin menterjemahkan sekitar 25 buah buku sebulan," katanya.